

# Bahagia yang lemah diperkuatkan

UB 1576/2011 B4



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaitonmohamad@yahoo.com

**D**ALAM hidup ini ramai yang mengetahui bahawa pelaksanaan tugas dengan penuh minat dan gembira adalah sesuatu yang dituntut namun sekiranya tidak pula diamalkan sudah tentu ini tidak memberi sebarang manfaat. Jika dibuat satu tinjauan yang meluas dan menyeluruh mengenai perkara ini, sudah pasti hasilnya akan memberikan kejutan kepada ramai orang. Di pejabat-pejabat, firma, gedung-gedung perniagaan, kilang-kilang dan mana-mana tempat asalkan ada orang bekerja, nescaya anda mendapati 80 peratus dari mereka tidak menjalankan tugas mereka dengan penuh minat atau gembira. Wajah mereka kelihatan lesu dan membayangkan rasa tidak gembira. Mereka sering merungut dengan pelbagai nada penyesalan. Mereka sudah tentu menjalankan tugas dengan perasaan malas, tertekan dan rasa tidak puas hati serta serba tidak kena. Bukan sedikit yang menyesal kerana telah memilih pekerjaan yang sedang mereka lakukan.

Menurut Wan Azmi Ramli, 1997 dalam buku Strategi Dan Taktik Bertindak juga menyarankan agar seseorang insan harus berhati-hati sebelum memilih pekerjaan atau sebelum menceburkan diri di dalam sesuatu lapangan. Di dalam hubungan ini, mungkin ada yang berkata bagaimana hendak memilih sesuatu pekerjaan sedangkan mencari kerja pun terlalu sukar pada masa ini. Fakta itu adalah benar dan diakui namun sekiranya anda dapati kerja yang anda lakukan sekarang ini tidak sesuai dengan jiwa dan bakat anda, maka anda harus berusaha untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan jiwa dan kebolehan anda. Anda mesti ingat bahawa mencari pekerjaan semasa anda memegang sesuatu jawatan adalah lebih mudah daripada masa anda sedang menganggur.

Realitinya dalam mencari pekerjaan baru yang sesuai dengan jiwa dan minat anda adalah jauh lebih mudah dari anda cuba menyesuaikan diri dengan rakan-rakan sepejabat. Jika anda rasa bosan membuat sesuatu pekerjaan lantaran pekerjaan itu tidak sesuai dengan jiwa dan kebolehan anda, maka anda masih boleh berusaha untuk mencari pekerjaan lain yang lebih secocok dengan jiwa anda.

Sebaliknya jika anda bosan dan benci memegang sesuatu jawatan disebabkan perhubungan anda dengan kakitangan lain tidak baik, maka keadaan ini terlalu sukar bagi anda untuk menikmati keselesaan dan kegembiraan ketika menjalankan tugas. Ini disebabkan bahawa anda terpaksa berhubung dengan orang lain atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan tugas anda. Bertukar tempat kerja dan pekerjaan belum pasti dapat mewujudkan satu suasana yang harmoni bagi anda kerana suasana ini adalah diwujudkan oleh manusia sendiri. Dan salah seorang bertanggungjawab untuk mewujudkan secara langsung suasana harmoni ini adalah anda sendiri.

Justeru itu buatlah pertanyaan pada diri sendiri adakah anda yang tidak suka pada orang lain? Adakah anda terlalu memikirkan kepentingan diri anda sendiri? Adakah anda benci melihat rakan-rakan sepejabat anda? Adakah anda tersisih di dalam pergaulan anda di pejabat? Adakah anda menaruh dendam dan prasangka terhadap mereka atau sebahagian dari mereka? Adakah anda kedekut dengan kata-kata yang berupa pujian dan dorongan? Adakah anda sering membuat kenyataan-kenyataan yang tajam, pedas dan melukakan hati rakan-

rakan anda? Adakah anda dapat berbicara dengan baik dengan rakan-rakan anda? Adakah anda bermusuhan dengan rakan-rakan sekerja anda? Jika jawapannya semuanya adalah 'Ya' ini menunjukkan anda sedang mengalami penyakit konflik jiwa yang amat serius. Anda tidak dapat menumpukan sepenuhnya perhatian terhadap pekerjaan anda. Ini bermakna bahawa anda tidak dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab anda dengan penuh minat, amanah, dedikasi dan gembira.

Lantaran itu dalam menjalankan sebarang pekerjaan tanpa kebolehan menjalankan tugas dengan penuh minat dan gembira anda tidak akan dapat mencapai kejayaan yang besar. Mengikuti pendapat Ralph Waldo Emerson tanpa rasa gembira dan minat mendalam kita tidak akan dapat mencapai sebarang kejayaan yang membanggakan. Ini akan menyebabkan cita-cita dan matlamat seseorang itu akan menemui kegagalan. Matlamat dan objektif yang hendak menjadi kenyataan bergantung rapat kepada keaktifan dan kesungguhan seseorang itu bekerja. Hukum hidup adalah jelas, tentukan matlamat yang hendak dicapai kemudian tentukan rangka kerja yakni program kerja anda, sesudah itu terus bekerja dengan gigih, penuh minat dan dengan hati yang riang. Hasilnya tentulah kejayaan dan sekiranya ada ehsan di hati bos sudah tentu peluang kenaikan pangkat, mahupun bonus diberikan kecualilah ada agenda tersembunyi, namun keadaan itu bukan penghalang untuk anda meneruskan perjuangan anda kerana anda berminat dengan tugas itu dan membuat kerja sepenuh hati, jadi hal-hal yang lain diketepikan dulu dan sekiranya Tuhan makbulkan doa anda, rezeki anda tetap akan dapat jua.

Ingatlah, tidak ada orang yang memperolehi kesenangan hidup tanpa bekerja dan berjuang. Halangan-halangan terhadap pekerjaan anda adalah perkara biasa. Jangan lekas berputus asa. Anda tentu tidak mahu memperolehi kesenangan dan kejayaan tanpa sebarang usaha, perjuangan dan titik peluh anda sendiri. Ini disebabkan kejayaan itu tidak mempunyai apa-apa nilai dan kemegahan. Sejarah orang-orang yang berjaya dan hidup bahagia semuanya menunjukkan bahawa kejayaan dan kebahagiaan yang diperolehi oleh mereka adalah hasil perjuangan dan usaha yang bertungkus lumus selama beberapa tahun.

Menurut Yusoff Zaky Yaacob dalam buku Mencari Kejernihan Jiwa, sejarah hidup orang yang berjaya bukanlah himpunan lembaran kosong, malah penuh dengan langkah-langkah yang berani, usaha-usaha yang tidak mengenal lelah dan kekecewaan. Percubaan demi percubaan yang tidak mengenal batas dan keyakinan yang tidak mengerti putus harapan. Janganlah kita mengharap emas akan gugur dari langit semata-mata dengan berdoa berjam-jam lamanya. Sebaliknya usahakan sesuatu dengan menggunakan akal yang cerdas dan kreatif barulah hasilnya akan diperolehi. Justeru itu hukum hidup amat jelas sekali usaha adalah tangga kejayaan, malah bergembiralah dengan setiap tugas anda dan redhalah dengan setiap airmata yang gugur dalam menjalankan tugas dengan sesuci hati demi amanah dan tanggungjawab yang diberikan. Usahlah menyesal dan kesatlah airmata dengan penuh kerelaan demi tugas yang diberi demi memartabatkan bangsa, agama dan negara. Justeru itu, perkuatkanlah bahagian yang lemah itu.

\* Penulis adalah Pegawai Psikologi, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP, UMS